



30 September 2017

Kepada,

Ybhg Dato'/Datin/Tuan/Puan

Yang dihormati,

Jemputan Kejohanan Memanah Selangor Juniors - SMAPK-Malaya Archery Siri 3/2017

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera,

Izinkan saya merujuk perkara di atas. Adalah kami pihak Malaya Archery bersama Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang berbesar hati ingin menganjurkan pertandingan memanah pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 1-3 December 2017 (Jumaat, Sabtu & Ahad)
Masa : 8.00am – 6.30pm
Tempat : Padang Ragbi, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor.
Had Umur : 7-20 tahun

Kategori yang akan dipertandingkan adalah mengikut had umur kumpulan masing-masing seperti dibawah.

Sehubungan dengan itu, pihak kami menjemput semua pasukan memanah atau individu untuk menyertai pertandingan ini dan menyemarakkan kelangsungan sukan memanah di Malaysia.

Kerjasama dan perhatian dari pihak Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

LISA YUSAZIMI

LISA YUSAZIMI

HP : 014-512 9191

MSN SELANGOR	SELAR	SMAPK	MALAYA ARCHERY

LAMPIRAN A

MAKLUMAT KEJOHANAN

NAMA KEJOHANAN	Kejohanan Memanah Selangor Juniors - SMAPK-MALAYA Siri 3/2017
PENGANJUR	MALAYA ARCHERY DAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN KAJANG
FORMAT PERTANDINGAN	Seperti lampiran dibawah. Mengikut ketetapan World Archery (WA)
TEMPAT	Padang Ragbi, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor. Batu 13, Jalan Cheras, Kampung Sungai Kantan, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
TARIKH	01-03 December 2017 (Jumaat, Sabtu & Ahad)
YURAN	Pemanah : RM50/seorang Jurulatih / Pengurus : RM10/seorang
HADIAH	Sijil Penyertaan : untuk semua atlet Pusingan Kelayakan i. Johan, Naib Johan, Ketiga, Keempat : Medal Pusingan Olimpik Individu i. Johan, Naib Johan, Ketiga, Keempat : Medal
TARIKH TUTUP	24 November 2017 atau sehingga mencapai quota.
PERTANYAAN	Pn. Lisa : 014-512 9191 En. Nadzmi : 010-297 6567



**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-SMAPK-
MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017**

BERTEMPAT DI

**SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN (SMAP),
KAJANG**

TARIKH

**01 – 03 DECEMBER 2017
(Jumaat – Ahad)**

ANJURAN BERSAMA

			
MSN SELANGOR	SELAR	SMAPK	MALAYA ARCHERY

**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-SMAPK-MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017**

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan mengikut **Undang-undang World Archery (WA) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.**
- 1.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang **World Archery (WA)** yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :
 - 1.3.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS- SMAPK-MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017 dan/atau Keputusan Bersama Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan.**
 - 1.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-undang World Archery (WA) dan/atau Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.**
- 1.4. Sebarang keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan **KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS- SMAPK-MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017**, adalah **muktamad.**

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. 01 – 03 December 2017 untuk kesemua kategori (Bawah 12, Bawah 15 & Bawah 20)

(Nota : Tarikh di atas adalah tertakluk kepada perubahan).

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Pertandingan akan dijalankan di **Padang Ragbi, Sek Men Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

4. KATEGORI UMUR

- 4.1 Bawah 20 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **20 tahun hingga 16 tahun (Tahun lahir 1997 hingga 2001)**.
- Atlet di bawah program MSN Selangor diwajibkan menyertai kategori ini.
- Kecuali atlet kategori compound, mestilah berumur 12 tahun hingga 20 tahun.
- 4.2 Bawah 15 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **15 tahun ke bawah (Tahun lahir 2002 dan selepasnya)**.
- 4.3 Bawah 12 - Semua atlet lelaki dan wanita yang berumur **12 tahun ke bawah (Tahun lahir 2005 dan selepasnya)**.

5. YURAN PENYERTAAN

- 5.1 Semua Kategori Umur : RM50.00 seorang
- 5.3 Pengurus Pasukan / Jurulatih : RM 10.00 seorang.
- 5.4 Pendaftaran dibuat secara online melalui pautan www.malayaarchery.com.my/selangorjuniors3rd2017 pada atau sebelum 24 November 2017. Borang Pendaftaran Pasukan juga hendaklah di e-mel ke alamat lisa@malayaarchery.com.my sebelum 24 November 2017.
- 5.5 Pembayaran mestilah dibuat melalui "online" / atas talian menggunakan kad debit/kredit ataupun FPX :
<http://www.malayaarchery.com.my/payselangorjuniors2017> pada atau sebelum 24 November 2017. Sila nyatakan di ruangan "Additional Information" nama peserta/atlet atau nama pasukan jika mendaftar lebih dari satu atlet. Pihak penganjur akan membuat pemadanan bayaran berdasarkan email yang digunakan semasa mendaftar dan nama peserta/atlet atau pasukan.
- 5.5 Semua pasukan hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan dan salinan kad pengenalan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola semasa hari pendaftaran.

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada di Bilik Seminar, Bangunan Utama Sekolah, dan akan dimaklumkan maklumat tarikh dan waktu di dalam jadual terbaru.
- 6.2 Pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama salinan Kad Pengenalan atau salinan dokumen berkaitan untuk pengesahan. Hanya pertukaran nama atlet sahaja yang dibenarkan dan penambahan kepada bilangan atlet yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7. ACARA/KATEGORI

7.1. Acara yang akan dipertandingkan adalah **INDIVIDU SAHAJA** seperti berikut:

KATEGORI	UMUR	JARAK	TARGET FACE	FORMAT PERTANDINGAN	YURAN
Bawah 12 - Recurve Men - Recurve Women	7-12 tahun	30 Meter	122cm	- Kelayakan Individu - Olympic Round 1/16	RM50.00
Bawah 15 - Recurve Men - Recurve Women	13-15 tahun	60 Meter	122cm	- Kelayakan Individu - Olympic Round 1/16	RM50.00
Bawah 20 - Recurve Men - Recurve Women	16-20 tahun	70 Meter	122cm	- Kelayakan Individu - Olympic Round 1/16	RM50.00
- Compound Men - Compound Women	12-20 tahun	50 Meter	80cm (6 rings)	- Kelayakan Individu - Olympic Round 1/16	RM50.00

7.2. Untuk Kelayakan Individu, setiap atlet dikehendaki memanah jarak yang dipertandingkan sebanyak tujuh puluh dua (72) anak panah.

7.3. Atlet lelaki dan wanita yang mendapat kedudukan #1-32 akan layak ke Olympic Round.

8. PERALATAN PERTANDINGAN

8.1. Peralatan yang dibenarkan untuk semua peringkat umur (kecuali tambahan untuk 8.2) adalah seperti termaktub dalam Undang-undang **WA Book 3. Chapter 11.1.**

8.2 Untuk Kategori Bawah 12 tahun, pengecualian adalah untuk peralatan berikut:

8.2.1 Arrow - Jenis Aluminium sahaja dibenarkan.

8.2.2 Limb - Jenis Fiberglass, Wood sahaja dibenarkan.

9. MASA MELAPORKAN DIRI

- 9.1. Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chairman of Judges) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada waktu yang ditetapkan di dalam jadual.

10. LATIHAN RASMI DAN PEMERIKSAAN ALATAN

- 10.1. Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa sesi latihan mengikut masa yang ditetapkan di dalam jadual.
- 10.2. Setiap atlet mesti memakai nombor memanah sepanjang hari pertandingan.

11. PEGAWAI TEKNIKAL

- 11.1. Pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Pegawai-pegawai Teknikal dan Hakim setelah berunding dan mendapat persetujuan daripada Persatuan Memanah Selangor (SELAR).
- 11.2. Hakim hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula. Maklumat masa/tempat taklimat akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

12. BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1. Hanya Pengurus Pasukan/ Jurulatih berdaftar sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja.)
- 12.2. Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 12.3. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegat Teknikal dalam masa lima belas (15) minit selepas keputusan diumumkan atau selepas kejadian berlaku.

13. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1. Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia yang terdiri:
 - 14.1.1. Pengerusi J/kuasa Pengelola atau wakil
 - 14.1.2. Pengarah Pertandingan /wakil
 - 14.1.3. Delegat Teknikal/ wakil
 - 14.1.4. Tiga (3) orang Pengurusan Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tatatertib.
- 13.2. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

13.3. Jawatankuasa Bantahan/Tataterib akan bersidang dalam masa lima belas (15) minit setelah menerima laporan daripada Ketua Delegat Teknikal dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

13.4. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah muktamad.

14. GANTI RUGI

14.1. MSN Selangor, Persatuan Memanah Negeri Selangor (SELAR) dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa Kejohanan ini berlangsung termasuk perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/rumah.

16. HADIAH-HADIAH

17.1. Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :

BIL	KATEGORI	PINGAT			
		▪ Kelayakan Individu ▪ Olympic Round			
		EMAS	PERAK	GANGSA	KE-4
1.	<u>Bawah 12</u> • Recurve Men • Recurve Women	2 2	2 2	2 2	2 2
2.	<u>Bawah 15</u> • Recurve Men • Recurve Women	2 2	2 2	2 2	2 2
3.	<u>Bawah 20</u> • Recurve Men • Recurve Women	2 2	2 2	2 2	2 2
4.	<u>Bawah 20</u> • Compound Men • Compound Women	2 2	2 2	2 2	2 2
	JUMLAH KESELURUHAN	16	16	16	16

17. HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

JADUAL KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-SMAPK-MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017

TARIKH	MASA	AKTIVITI
01 December 2017 (Jumaat)	8.00am – 10.00am	- Pendaftaran Semua Peserta Bawah 12 (U12) - Pemeriksaan Alatan (Tackle Inspection) - Latihan Rasmi - Mesyuarat Pengurus Pasukan
	10.15am – 11.00pm	Pusingan Kelayakan – Round 1 - RM – U12 - RW – U12
	11.30am – 12.15pm	Pusingan Kelayakan – Round 2 - RM – U12 - RW – U12
	12.30pm – 2.00pm	Rehat / Solat
	2.00pm – 6.00pm	Olympic Round (1/16, 1/8) - RM – U12 - RW – U12

TARIKH	MASA	AKTIVITI
02 December 2017 (Sabtu)	8.00am – 10.00am	- Pendaftaran Semua Peserta Bawah 15, Bawah 20 (U15, U20) - Pemeriksaan Alatan (Tackle Inspection) - Latihan Rasmi - Mesyuarat Pengurus Pasukan
	10.15am – 11.00pm	Pusingan Kelayakan – Round 1 - RM – U15, U20 - RW – U15, U20 - CM – U20 - CW – U20
	11.30am – 12.15pm	Pusingan Kelayakan – Round 2 - RM – U15, U20 - RW – U15, U20 - CM – U20 - CW – U20
	12.30pm – 2.00pm	Rehat / Solat
	2.00pm – 6.00pm	Olympic Round (1/16, 1/8) - RM – U15, U20 - RW – U15, U20 - CM – U20 - CW – U20

TARIKH	MASA	AKTIVITI
03 December 2017 (Ahad)	8.00am – 9.00am	Latihan Rasmi
	9.15am – 01.00pm	Olympic Round (1/4, 1/2) - RM – U12, U15, U20 - RW – U12, U15, U20 - CM – U20 - CW – U20 Final - Emas & Gangsa
	01.00pm – 2.30pm	Rehat / Solat
	2.30pm – 3.30pm	Majlis Penutup & Penyampaian Hadiah



**BORANG PENDAFTARAN
KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS-SMAPK-MALAYA ARCHERY SIRI 3/2017**

NAMA PASUKAN	
Kod Pasukan Yang Diminta (Prefer) Cth: Malaya Archery, Kod : MA	
ALAMAT	

PEGAWAI		
JAWATAN	NAMA	NO H/P
PENGURUS		
JURULATIH		

ATLET				
NO	NAMA	NO K/P	JANTINA*	KATEGORI*
1.			L / P	
2.			L / P	
3.			L / P	
4.			L / P	
5.			L / P	
6.			L / P	
7.			L / P	
8.			L / P	
9.			L / P	
10.			L / P	

**Kod Kategori*

<i>Under 12 ::</i>	<i>Recurve Men :</i>	<i>U12-RM</i>	<i>Recurve Women :</i>	<i>U12-RW</i>
<i>Under 15 ::</i>	<i>Recurve Men :</i>	<i>U15-RM</i>	<i>Recurve Women :</i>	<i>U15-RW</i>
<i>Under 20 ::</i>	<i>Recurve Men :</i>	<i>U20-RM</i>	<i>Recurve Women :</i>	<i>U20-RW</i>
	<i>Compound Men :</i>	<i>U20-CM</i>	<i>Compound Women :</i>	<i>U20-CW</i>

Pendaftaran adalah secara online. Sila klik di pautan dibawah untuk tujuan pendaftaran awal:

www.malayaarchery.com.my/selangorjuniors3rd2017 . Borang Pendaftaran ini juga perlu diisi dan dihantar melalui e-mel ke alamat lisa@malayaarchery.com.my

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada **24 November 2017**. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Lisa : 014-5129191 / En Nadzmi : 010-297 6567